

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 DISEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 23

Malaysia ke arah capai matlamat pembangunan mampan

Malaysia ke arah capai matlamat pembangunan mampan

Malaysia berada di landasan tepat untuk mencapai matlamat pembangunan mampan (SDG) dengan 99 indikator menunjukkan peningkatan positif pada 2022.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata secara keseluruhan negara menunjukkan prestasi ketersediaan indikator yang baik pada 2022, meningkat kepada 195 indikator (79 peratus) berbanding 175 indikator (71 peratus) tahun sebelumnya.

"Daripada 195 indikator, 146 data tersedia bagi 2022 dengan 99 indikator (68 peratus) menunjukkan peningkatan positif," katanya dalam satu kenyataan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) semalam menerbitkan Laporan Indikator Matla-

mat Pembangunan Mampan (SDG) Malaysia 2022, iaitu laporan kelima Indikator SDG di negara ini.

Mengulas lanjut,

Mohd Uzir berkata, laporan kelima indikator SDG itu juga buat kali pertama turut memberikan data bagi setiap negeri dan daerah, selain lima laporan indikator mengikut bidang tumpuan iaitu Kemajuan Masyarakat; Kemakmuran; Penjagaan Bumi; Keamanan dan Kerjasama.

Beliau berkata, indikator peringkat negeri dan daerah yang diterbitkan dapat digunakan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam memantau



Mohd Uzir Mahidin

dan menyusun kerangka pelaksanaan SDG di negeri dan daerah masing-masing.

"Inisiatif ini bertepatan dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang memberi penegasan berkaitan usaha memperluaskan pelaksanaan SDG peringkat tempatan dan mem-

perkasakan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan serta komuniti setempat," katanya.

Mohd Uzir berkata, laporan kelima Indikator SDG negara turut merekodkan 53 indikator (21 peratus) masih belum tersedia, ia dikategorikan kepada masih perlu dibangunkan (28

indikator atau 11 peratus), 19 indikator (8 peratus) tidak tersedia dan 6 indikator (dua peratus) tidak relevan kepada Malaysia.

Kesemua 17 matlamat katanya, sudah mencapai ketersediaan indikator melebihi 50 peratus dan dua matlamat berjaya mencapai 100 peratus ketersediaan indikator iaitu Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti dan Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur.

Kementerian serta agensi katanya, memainkan peranan penting dalam pengukuran pencapaian SDG negara dengan menyumbang 77 peratus indikator berbanding 23 peratus indikator daripada DOSM.

"Kerjasama dengan Kementerian/agensi dan pertubuhan

masyarakat sivil akan terus diperkukuhkan dalam pengukuran jurang ketersediaan data, sekali gus meningkatkan ketersediaan data granular, terutama bagi empat matlamat dengan ketersediaan indikator kurang 70 peratus iaitu Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan (57 peratus); Matlamat 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab (69 peratus); Matlamat 15: Kehidupan di Darat (57 peratus) dan Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh (67 peratus).

"Penyediaan indikator berkualiti adalah signifikan dalam mengukur dan memantau pencapaian RMK12, sekali gus memastikan pelaksanaan Agenda 2030 tercapai," katanya.